

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester II  
Sidang Akademik 2001/2002

FEBRUARI / MAC 2002

**EAA 503/4 – Penilaian Kesan Persekutaran**

Masa : 3 jam

---

**Arahan :-**

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat bercetak termasuk lampiran sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja. Markah hanya akan dikira bagi **LIMA (5)** jawapan **PERTAMA** yang dimasukkan di dalam buku mengikut susunan dan bukannya **LIMA (5)** jawapan terbaik.
3. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

... 2/-

1. (a) Bincangkan fasa-fasa projek dan faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam menjalankan Penilaian Kesan Alam Sekitar bagi projek tapak pelupusan sisa perbandaran atau projek pembangunan kampus universiti baru. (10 markah)  
(b) Berikan **LIMA (5)** aktiviti yang memerlukan EIA dijalankan, dan nyatakan takat ambangnya. (10 markah)
2. (a) Penilaian Laporan Mengikut Kaedah Lee & Colley adalah salah satu cara menilai kualiti laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar yang disediakan. Nyatakan dengan ringkas aspek-aspek utama yang perlu diberikan penekanan semasa menjalankan penilaian ini. (10 markah)  
(b) Audit Alam Sekitar adalah satu aktiviti penting dalam cabang Penilaian Kesan Alam Sekitar. Bincangkan fasa-fasa Audit Alam Sekitar. (10 markah)
3. (a) Huraikan dengan ringkas mengenai perkara-perkara berikut yang berkaitan dengan penilaian kesan alam sekitar:-
  - i. Alam Sekitar
  - ii. Inventori Alam Sekitar
  - iii. Penilaian Kesan Alam Sekitar(6 markah)  
(b) Peta dalam Lampiran 1 menunjukkan cadangan empangan yang akan dibina berhampiran dengan 4 buah penempatan orang asli. Huraikan dengan ringkas bagaimana anda harus membuat penilaian impak terhadap Orang Asli. (4 markah)  
(c) Dalam Simposium Industri Gas dan Persekutaran 1977 di Minsk, Rusia, ‘British Gas’ menyatakan bahawa di antara pertimbangan kesan alam sekitar yang penting ialah pertimbangan yang bukan berdasarkan penglihatan. Pertimbangan tersebut termasuk pertimbangan geografi dan pertimbangan teknikal. Bincangkan mengenai kedua-dua aspek pertimbangan tersebut. (10 markah)

4. (a) Berikut adalah di antara ciri-ciri komponen alam sekitar yang dinyatakan oleh Jabatan Alam Sekitar, Malaysia melalui Panduan Penilaian Alam Sekitar yang dikeluarkan oleh jabatan tersebut. Huraikan dengan ringkas mengenai ciri-ciri komponen tersebut :

- i. Garis pantai
- ii. Kualiti air
- iii. Imbangan air

(6 markah)

(b) Huraikan ENAM (6) faktor yang perlu diambilkira atau dipertimbangkan apabila menilai mengenai signifikannya impak alam sekitar yang akan timbul daripada sesuatu aktiviti projek.

(6 markah)

(c) Bincangkan dengan ringkas mengenai perkara-perkara berikut :

- i. Objektif penilaian awal kesan alam sekitar untuk aktiviti yang ditetapkan.
- ii. Objektif proses penelitian untuk aktiviti yang ditetapkan.

(8 markah)

5. (a) Apakah yang di maksudkan dengan EMP. Beri carta organisasi yang terdapat dalam EMP.

(10 markah)

(b) Sebuah estet perindustrian di Lembah Kelang telah pun mendapat kelulusan laporan EIAnya. Senaraikan perkara-perkara utama yang diperlukan untuk projek tersebut di dalam EMP nya.

(10 markah)

6. (a) Pelan Kontigensi Alam Sekitar perlu di masukkan dalam EMP.

Berikan : i. Maksudnya  
ii. Objektif atau matlamat diadakan  
iii. Elemen-elemen yang perlukan dalam Pelan Kecemasan

(15 markah)

(b) Huraikan secara ringkas mengenai odit alam sekitar.

(5 markah)

LAMPIRAN

